

22 APR 1998

Burkina-Tiba

PRESIDEN BURKINA FASO TIBA UNTUK LAWATAN LIMA HARI

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Presiden Burkina Faso Blaise Compaore tiba di sini petang ini untuk lawatan negara lima hari bagi meningkatkan lagi hubungan dua hala.

Beliau diiringi Menteri Luar Ablasse Ouedraogo, Menteri Perdagangan, Industri dan Kraftangan Idrissa Zampalegre, Menteri Pertanian dan Ternakan Michel Koutaba serta rombongan dengan 26 anggota.

Ketibaan Compaore di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah disambut oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob selaku menteri pengiring dan Timbalan Menteri Luar Dr Leo Michael Toyad.

Beliau akan diberikan sambutan rasmi di Medan Parlimen esok diikuti oleh kunjungan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada petangnya, pemimpin Afrika itu dijadual menghadiri mesyuarat delegasi yang akan dipengerusikan Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri.

Mesyuarat itu akan tertumpu kepada isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa kepentingan bersama.

Burkina Faso, bekas kawasan pentadbiran Perancis yang terletak di pinggir bahagian selatan Sahara, mempunyai 9.5 juta penduduk.

Compaore juga akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, yang akan meraikan beliau pada majlis jamuan negara di Istana Negara.

Pada hari Jumaat, Compaore dijadualkan menghadiri taklimat di Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri diikuti lawatan ke beberapa tempat termasuk Menaga Kembar Petronas dan kilang Perusahaan Otomobil Nasional Kedua (Perodua) di Rawang.

Pada hari Sabtu, beliau akan menghadiri taklimat di Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia dan Institut Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) di Serdang mengenai strategi Malaysia bagi pembangunan pelaburan, perancangan ekonomi dan hasil berasaskan pertanian.

Compaore dijadualkan berlepas pulang pada hari Ahad.

-- BERNAMA

ES NMO